

## **Analisis Tahap Kefahaman 200 Kosa Kata Bahasa Melanau Asli terhadap Murid Melanau di Daerah Mukah**

*(An Analysis of the Comprehension Level of 200 Native Melanau Vocabulary Words among Students in the Mukah District)*

<sup>1</sup>JENNIFER HITLERY & <sup>2</sup>MOHAMAD ROZI KASIM

<sup>1,2</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

Dihantar: 15 Januari 2026 / Diterima: 30 Mac 2026

Koresponden e-mel: [jenniferhitlery@gmail.com](mailto:jenniferhitlery@gmail.com)

**ABSTRAK:** Kajian ini bertujuan untuk menganalisis tahap kefahaman murid Melanau terhadap 200 kosa kata bahasa Melanau asli di daerah Mukah, Sarawak. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah kepustakaan dan lapangan. Data lapangan dikumpul melalui ujian bertulis, di mana murid diminta memberikan makna bagi setiap kosa kata terpilih. Pemilihan kosa kata merangkumi kata nama, kata kerja, kata adjektif, dan kata tugas dengan rujukan Kamus Bahasa Melanau-Bahasa Melayu (DBP) serta pengesahan penutur jati. Analisis dapatan menunjukkan tahap kefahaman murid adalah berbeza-beza. Daripada 200 kosa kata yang diuji, sebanyak 15 kosa kata berada pada tahap tinggi, 49 kosa kata pada tahap sederhana, manakala 136 kosa kata berada pada tahap rendah, dengan penguasaan yang lebih kukuh terhadap kosa kata harian dan budaya popular. Kajian mendapati bahawa pengaruh bahasa Melayu, arus modenisasi dan persekitaran sosial memberi kesan terhadap penguasaan bahasa Melanau. Kajian ini menekankan kepentingan pendidikan bahasa etnik, pemuliharaan kosa kata asli, dan kesedaran identiti etnik dalam kalangan generasi muda. Kesimpulannya, bahasa Melanau masih digunakan tetapi memerlukan sokongan berterusan untuk mengekalkan kelangsungan dan warisan budaya.

**Kata kunci:** Bahasa Melanau; Mukah; Pengaruh Bahasa; Kosa Kata Melanau; Sarawak

**ABSTRACT:** This study aims to analyze the level of comprehension of 200 indigenous Melanau vocabulary items among Melanau students in Mukah, Sarawak. The study employed a qualitative approach combining a literature review and field methods. Field data were collected through a written test, where students were asked to provide meanings for selected vocabulary items. The vocabulary included nouns, verbs, adjectives, and function words, referenced from Kamus Bahasa Melanau-Bahasa Melayu (DBP) and verified with native speakers. Findings indicate varying levels of understanding. Out of 200 vocabulary items tested, 15 were classified at a high level of understanding, 49 at a moderate level, and 136 at a low level, with stronger mastery in daily and culturally familiar words. The study found that Malay language influence, modernization, and social environment affect the acquisition of Melanau vocabulary. The study highlights the importance of ethnic language education, vocabulary preservation, and ethnic identity awareness among the younger generations. In conclusion, the Melanau language remains in use but requires continuous support to sustain its sustainability and cultural heritage.

**Keywords:** Melanau Language; Mukah; Language Influence; Melanau Vocabulary; Sarawak

### **PENGENALAN**

Sarawak merupakan negeri terbesar di Malaysia dan terletak di Pulau Borneo serta mempunyai 12 bahagian. Menurut Suruhanjaya Penerbangan Malaysia, keluasan Sarawak ialah 124,450 kilometer persegi dan ia merangkumi kira-kira 90% daripada saiz semenanjung Malaysia. Bukan itu

sahaja, negeri Sarawak merupakan negeri kelima paling ramai penduduk di Malaysia, iaitu 2.5 juta (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024). Negeri ini dikenali sebagai Sarawak Bumi Kenyalang. Bukan itu sahaja, Sarawak juga kaya dengan keindahan alam semula jadi seperti hutan hujan tropika,

sungai-sungai besar, dan pelbagai spesies flora dan fauna. Selain itu, Sarawak terkenal dengan kepelbagaian etnik dan budaya yang menjadikan negeri ini kaya dengan keunikan dan keaslian pelbagai budaya.

Kepelbagaian etnik di Sarawak merangkumi pelbagai kumpulan kaum utama seperti Iban, Bidayuh, Melanau, Melayu, dan Orang Ulu serta etnik-etnik minoriti lain yang masing-masing memiliki bahasa, budaya, dan adat resam tersendiri (Jabatan Penerangan Malaysia, 2024). Kepelbagaian ini menjadikan Sarawak sebagai sebuah negeri yang kaya dengan warisan linguistik dan budaya, di samping memperlihatkan kewujudan pelbagai bahasa etnik yang digunakan dalam konteks sosial dan geografi yang berbeza. Dalam situasi ini, bahasa bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi, malah menjadi lambang identiti dan jati diri sesuatu etnik. Dalam arus modenisasi dan dominasi bahasa kebangsaan, penggunaan bahasa etnik semakin terdedah kepada perubahan, khususnya dalam kalangan generasi muda. Sehubungan itu, kajian ini memberikan tumpuan kepada salah satu etnik utama di Sarawak, iaitu kaum Melanau.

Setelah menelusuri kepelbagaian kaum di Sarawak, penelitian ini akan memberikan tumpuan khusus kepada kaum Melanau. Kaum Melanau merupakan salah satu kaum utama di negeri Sarawak yang mempunyai adat dan keistimewaan tersendiri. Menurut Mohammad Husri et al. (2021), masyarakat Melanau merupakan etnik yang kelima terbesar di Sarawak dan mempunyai adat, budaya dan tradisi yang unik. Kaum Melanau merupakan kaum minoriti, iaitu dengan hanya 10.6% daripada 2.5 juta penduduk di Sarawak. Menurut Jeniri (2015), masyarakat Melanau kebanyakannya tinggal di bahagian Mukah dan menggelar diri mereka sebagai '*alikou*', yang bermaksud orang asal, walaupun istilah '*alikou*' tersebut merujuk kepada orang Melanau pagan, iaitu belum mengamalkan agama Islam atau Kristian.

Bahasa Melanau mempunyai pelbagai variasi bahasa dan dialek yang berbeza bergantung kepada lokasi dan faktor geografi. Misalnya, /balik/ dalam bahasa Melanau Mukah ialah [pu.le?], manakala Melanau Matu-Daro [mu.li?], dan Melanau Dalat [pu.li?]. Di sini kita dapat lihat keunikan bahasa Melanau. Jeniri (2015) menyatakan pengkaji bahasa Melanau yang terlibat, iaitu Clayre, Yasir

dan Zaini yang masing-masing membahagikan bahasa Melanau kepada tiga, empat, dan enam kelompok. Menurut Zaini (1989, dalam Ishak, 2013:18), beliau melihat fenomena bahasa Melanau di Sarawak sebagai contoh terbaik kepada konsep '*L-Simpleks*' dan '*L-Kompleks*', iaitu situasi di mana dialek yang berdekatan secara geografi masih dapat difahami antara satu sama lain, seperti dialek Mukah, Dalat, dan Oya. Walau bagaimanapun, apabila sesuatu dialek dipisahkan oleh jarak geografi yang jauh, tahap kesalingfahaman antara penutur dari dua kawasan berbeza akan semakin berkurang.

Kosa kata Melanau asli semakin tidak dikenali oleh generasi muda, malah mulai hilang dari perbendaharaan kata masyarakat itu. Namun, usaha untuk mendokumentasikan bahasa Melanau Mukah masih diteruskan. Menurut Faridah (2023), pengaruh bahasa Melayu terhadap bahasa ibunda dalam kalangan murid jelas dapat dilihat dalam cara mereka bertutur dan mempelajari bahasa asal mereka. Dalam kehidupan seharian, terutama di sekolah, murid-murid yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua atau bahasa pengantar sering menunjukkan tanda-tanda seperti mencampuradukkan bahasa (campur kod), dan menyebut bunyi dengan cara yang berbeza daripada sebutan asal. Fenomena ini bukan sahaja memberi kesan kepada kefasihan, malah turut mencerminkan bagaimana persekitaran dan sistem pendidikan mempengaruhi cara mereka berbahasa.

Bahasa Melayu memberi pengaruh yang besar terhadap bahasa ibunda murid di sekolah menengah di daerah Mukah, terutamanya melalui proses pembelajaran di sekolah dan pergaulan harian mereka. Dalam suasana di mana bahasa Melayu menjadi medium utama, ramai murid secara tidak sedar mula menggunakan struktur dan kosa kata Melayu dalam pertuturan seharian mereka, termasuk ketika menggunakan bahasa Melanau. Lama-kelamaan, perubahan ini boleh mengganggu keaslian bahasa warisan tersebut, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Keadaan ini turut menimbulkan cabaran besar kepada usaha memelihara dan menghidupkan kembali bahasa ibunda yang semakin terpinggir. Oleh itu, kajian ini akan menganalisis tahap kefahaman 200 kosa kata bahasa Melanau asli terhadap murid Melanau.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Bahasa merupakan wahana komunikasi dan lambang identiti bagi sesuatu kaum. Bagi masyarakat Melanau di daerah Mukah, bahasa Melanau menonjol sebagai satu bahasa etnik yang unik dan menjadi lambang identiti mereka. Namun, dalam era pembangunan dan pemodenan ini, bahasa Melanau semakin terdedah kepada

pengaruh luar, terutamanya daripada bahasa Melayu yang berperanan sebagai bahasa kebangsaan, bahasa pengantar dalam pendidikan, dan bahasa rasmi negara. Bahasa Melayu telah lama berlegar dalam kalangan penutur bahasa etnik, dan pelbagai unsur bahasa Melayu telah mula diserap ke dalam bahasa atau dialek etnik (Saidatul

Nornis & Wong, 2022). Bukan itu sahaja, mereka juga menyatakan bahawa sistem pendidikan turut mempercepatkan kemasukan elemen tersebut. Norazmie dan Saidatul Nornis (2019) pula turut menekankan bahawa pengaruh bahasa dominan terhadap bahasa etnik bukanlah satu fenomena baharu.

Kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa usaha dokumentasi terhadap varian Melanau sebelum ini kurang menumpukan aspek linguistik secara mendalam. Rahim et al. (2015) menyatakan bahawa pada era kolonial, kajian ke atas bahasa Melanau hanya bersifat pengumpulan leksikal tanpa meneliti varian tersebut dari perspektif linguistik. Keadaan ini menimbulkan persoalan penting mengenai sejauh mana bahasa Melanau asli masih difahami dan digunakan oleh generasi muda. Menurut Agnes Tiodora et al. (2024), sekiranya isu ini tidak ditangani, proses pemeliharaan dan pengembangan bahasa ibunda akan menghadapi kesukaran, sekali gus mengancam kelestarian bahasa Melanau. Tahap kefahaman murid terhadap kosa kata asli menjadi petunjuk kepada keadaan bahasa tersebut dalam kalangan generasi muda. Selain itu, penggunaan bahasa Melayu yang meluas dalam kehidupan harian, termasuk di sekolah dan di media massa telah menyebabkan peralihan bahasa berlaku secara perlahan-lahan. Lama-kelamaan, banyak istilah asli Melanau semakin jarang digunakan, terutamanya oleh generasi muda yang telah terbiasa dengan bahasa Melayu. Keadaan ini jelas mencerminkan cabaran serius terhadap usaha mengekalkan warisan linguistik dan identiti etnik Melanau Mukah. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menguji tahap kefahaman

generasi muda terhadap bahasa Melanau asli yang semakin kurang digunakan sebagai bahasa utama dalam kehidupan seharian.

Penulisan dan kajian terhadap bahasa Melanau Mukah boleh disifatkan sebagai masih belum meluas dan tidak menyeluruh. Hal ini demikian kerana penulisan berkaitan Melanau Mukah banyak berkisar tentang kebudayaan, sejarah, adat dan kepercayaan. Misalnya seperti penulisan Chong (2020), Salmah dan Mohan (2016), Abdul Walid et al. (2020), dan Mohammad Husri et al. (2021). Namun, masih ada penulisan-penulisan berkaitan bahasa Melanau secara khusus, iaitu dalam bidang linguistik walaupun berskala kecil. Antara penulisan yang boleh dirujuk termasuklah Chong dan Remmy (2011), Salbia dan Dayang Sarian (2012), Nur Syahirah dan Mohamed Azlan (2022), Rahim et al. (2015), Norfazila dan Rahim (2016), dan Norfazila et al. (2023). Namun demikian, kajian yang menyasarkan tahap kefahaman generasi muda terhadap bahasa Melanau asli dalam kalangan generasi muda, khususnya di kawasan asal penutur seperti daerah Mukah, masih belum dilaksanakan secara mendalam. Justeru, kajian ini berhasrat untuk merapatkan jurang tersebut. Kajian ini meneliti kesan pertembungan antara bahasa Melayu sebagai bahasa dominan dan bahasa Melanau sebagai bahasa ibunda dalam konteks pertuturan harian murid-murid. Melalui pendekatan ini, kajian ini diharap dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap perubahan sosiolinguistik yang berlaku dalam kalangan masyarakat Melanau Mukah, serta memperkukuh usaha pemeliharaan bahasa minoriti di Sarawak.

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui latar belakang demografi murid-murid Melanau di sekolah menengah di Mukah

2. Menganalisis tahap kefahaman murid Melanau terhadap 200 kosa kata bahasa Melanau asli.

*(An Analysis of the Comprehension Level of 200 Native Melanau Vocabulary Words Among Melanau Students in the Mukah District)*

## SOROTAN LITERATUR

Kajian-kajian terdahulu telah memberikan sumbangan penting dalam memahami fenomena pengaruh bahasa dominan terhadap bahasa etnik di Malaysia, khususnya dari aspek penguasaan bahasa dan peralihan linguistik dalam kalangan generasi muda. Secara umum, dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor persekitaran sosial, sistem pendidikan formal, interaksi harian, dan dominasi bahasa kebangsaan memainkan peranan signifikan dalam mempengaruhi penggunaan dan kefahaman

bahasa etnik. Dalam konteks ini, bahasa Melayu sering dikenal pasti sebagai faktor utama yang mendorong perubahan dalam corak penggunaan bahasa ibunda, termasuk kemerosotan penguasaan kosa kata asli.

Dari sudut teori dan pendekatan kajian, beberapa penyelidikan terdahulu telah mengaplikasikan kerangka linguistik yang mantap bagi menjelaskan fenomena peralihan bahasa. Kajian oleh Ooi dan Vijayaletchumy (2017)

menggunakan Teori Interaksi oleh Halliday untuk menghuraikan bagaimana pola interaksi sosial mempengaruhi pemilihan dan penguasaan bahasa. Dapatan kajian tersebut disokong oleh Low al. (2024) yang menegaskan bahawa persekitaran sosial, keluarga, dan rakan sebaya mempunyai pengaruh besar terhadap pembentukan kefahaman bahasa. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian ini lebih menumpukan kepada penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua atau bahasa utama, manakala bahasa etnik sebagai bahasa warisan kurang diberikan perhatian secara khusus.

Dalam konteks masyarakat Melanau, kajian oleh Aziz dan Zamri (2021) dan Jocylene dan Jamaludian (2017) menunjukkan bahawa interaksi antara bahasa Melayu dan bahasa Melanau berlaku secara aktif dalam kehidupan harian, khususnya melalui amalan penukaran kod dan penggunaan bahasa Melayu dalam domain pendidikan. Kajian-kajian ini menegaskan bahawa bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa dominan yang mempengaruhi penggunaan bahasa Melanau. Namun demikian, fokus kajian tersebut lebih tertumpu kepada strategi komunikasi dan penggunaan bahasa, tanpa menilai secara empirikal tahap kefahaman terhadap kosa kata Melanau asli.

Selain itu, kajian sosiolinguistik oleh Norfazila dan Rahim (2016) serta Nur Syahirah dan Mohamed Azlan (2022) memperlihatkan bahawa penggunaan bahasa Melayu dan dialek Melayu Sarawak semakin meluas dalam pelbagai domain komunikasi masyarakat Melanau di Mukah. Keadaan ini menyebabkan bahasa Melanau semakin terhad penggunaannya kepada domain tertentu seperti kekeluargaan dan adat budaya. Dominasi bahasa majoriti ini secara tidak langsung menyumbang kepada kemerosotan perbendaharaan kata bahasa Melanau, terutamanya dalam kalangan generasi muda yang terdedah kepada arus pemodenan dan pendidikan formal.

Seterusnya, dapatan yang hampir serupa turut dilaporkan dalam kajian-kajian berkaitan etnik lain seperti Kadazan, Dusun, Murut, dan Rungus. Kajian oleh Minah (2015), Norazmie dan Saidatul Nornis (2019), Romzi et al. (2018), dan Saidatul Nornis (2024) menunjukkan bahawa pengaruh bahasa Melayu telah membawa kepada asimilasi kosa kata, perubahan fonologi, dan peralihan bahasa dalam kalangan generasi muda etnik minoriti. Walaupun terdapat kajian yang menunjukkan usaha pengekalan bahasa etnik masih wujud dalam konteks tertentu, majoriti dapatan menunjukkan bahawa bahasa etnik berada dalam kedudukan yang rapuh sekiranya tidak diperkukuh melalui usaha pemeliharaan yang berterusan.

Di samping itu, sebahagian penyelidikan memberi penekanan kepada dimensi budaya dan warisan masyarakat Melanau, khususnya dalam konteks ritual dan amalan tradisional. Kajian oleh Chong (2020), Abdul Walid et al. (2020), serta

Chong dan Pan (2019) menonjolkan kepentingan bahasa Melanau sebagai medium penyampaian nilai budaya dan identiti etnik. Namun, kajian-kajian ini lebih berfokus kepada pendekatan etnografi dan deskriptif, dan tidak menilai secara sistematik tahap kefahaman kosa kata Melanau dalam penggunaan bahasa seharian generasi muda.

Kajian terkini juga turut menunjukkan bahawa bahasa etnik semakin berdepan dengan cabaran dalam kalangan generasi muda akibat dominasi bahasa majoriti dan perubahan sosial. Kajian oleh Noor Saadah dan Siti Nur Zulaika (2025) mendapati bahawa penggunaan bahasa ibunda dalam komuniti minoriti semakin terhad kepada domain keluarga dan ritual, manakala bahasa dominan lebih banyak digunakan dalam domain pendidikan dan interaksi sosial. Selain itu, Manjet Kaur dan Quazi Farzana Yesmin (2025) menegaskan bahawa bahasa warisan dalam komuniti minoriti berdepan dengan risiko kemerosotan sekiranya tidak diperkukuh melalui usaha pemeliharaan yang sistematik, termasuk dokumentasi bahasa dan penggunaan teknologi dalam pendidikan bahasa.

Kajian oleh Natasha Zuhaimi et al. (2024) pula menunjukkan bahawa sistem pendidikan dan persekitaran sosial memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tahap penggunaan bahasa ibunda dalam kalangan generasi muda. Dalam konteks vitaliti bahasa etnik, Noor Aina dan Zuraini (2024) mendapati bahawa kelangsungan bahasa minoriti bergantung kepada tahap penggunaan bahasa tersebut dalam kehidupan seharian masyarakat dan dalam domain keluarga. Kajian oleh Agus Sariono et al. (2026) berkaitan pemeliharaan bahasa minoriti turut menunjukkan bahawa pengaruh bahasa majoriti boleh menyebabkan pengurangan penggunaan kosa kata bahasa warisan dalam kalangan generasi muda sekiranya tiada usaha pemeliharaan yang berterusan dalam komuniti.

Secara keseluruhannya, walaupun terdapat pelbagai kajian pengaruh bahasa Melayu terhadap bahasa etnik, masih wujud kelompangan yang ketara dalam penyelidikan yang memfokuskan secara khusus kepada tahap kefahaman kosa kata Melanau asli dalam kalangan murid Melanau, khususnya di daerah Mukah. Kebanyakan kajian terdahulu menumpukan aspek pemilihan bahasa, strategi komunikasi, variasi sosiolinguistik atau perubahan struktur bahasa, tanpa menilai sejauh mana kosa kata asli bahasa Melanau masih difahami dan dikuasai. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengisi jurang penyelidikan tersebut dengan menganalisis tahap kefahaman terhadap 200 kosa kata bahasa Melanau asli secara empirikal, sekali gus menyumbang kepada usaha pemeliharaan dan kelangsungan bahasa Melanau sebagai bahasa warisan.

## METODOLOGI

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggabungkan kaedah kepustakaan dan kaedah lapangan. Pendekatan ini dipilih bagi memperoleh pemahaman yang menyeluruh terhadap kefahaman kosa kata bahasa Melanau asli dalam kalangan murid Melanau, di samping meneliti fenomena pengaruh bahasa Melayu berdasarkan dapatan kajian terdahulu dan data lapangan semasa. Kajian ini dijalankan di daerah Mukah, Sarawak yang terletak di bahagian tengah persisiran pantai Sarawak. Mukah terkenal sebagai kawasan penempatan utama masyarakat Melanau, sekali gus menjadikannya kawasan yang ideal untuk menjalankan kajian berkaitan pengaruh bahasa Melayu terhadap bahasa Melanau. Daerah ini mengekalkan kekayaan budaya dan tradisi etnik Melanau seperti penggunaan bahasa Melanau dalam kehidupan seharian. Walau bagaimanapun, perkembangan arus pemodenan dalam bidang sosioekonomi dan pendidikan telah membawa kepada peningkatan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda. Pemilihan Mukah sebagai kawasan kajian adalah berdasarkan kepada kriteria kesesuaian lokasi dengan objektif kajian, kemudahan untuk mendapatkan responden yang menjadi sasaran kajian, dan satu-satunya penempatan etnik Melanau di Sarawak. Kajian ini memberi tumpuan kepada beberapa buah sekolah di daerah Mukah yang mempunyai jumlah murid Melanau yang tinggi. Secara keseluruhannya, pemilihan kawasan kajian ini adalah selaras dengan keperluan untuk meneliti fenomena pengaruh

bahasa, iaitu antara bahasa dominan dan bahasa warisan dalam kalangan generasi muda.

Kaedah kepustakaan digunakan untuk mengumpul maklumat daripada sumber bertulis yang berkaitan secara langsung dengan fokus kajian. Kajian ini merujuk kepada pelbagai sumber ilmiah seperti jurnal akademik, laporan penyelidikan, dan artikel dalam talian. Rujukan utama diperoleh daripada pangkalan data seperti *Google Scholar*, *MyJournal*, dan repositori universiti. Kajian kepustakaan ini membantu pengkaji mengenal pasti dapatan kajian lepas yang berkaitan dengan fenomena dwibahasa, campur kod, dominasi bahasa majoriti, dan peminggiran bahasa etnik, khususnya dalam konteks masyarakat Melanau.

Kaedah lapangan juga digunakan bagi menilai tahap kefahaman kosa kata bahasa Melanau asli dalam kalangan murid Melanau. Penilaian ini dilakukan dengan meminta responden memberikan makna bagi setiap kosa kata Melanau asli yang dikemukakan dalam instrumen kajian. Kaedah ini membolehkan pengkaji memperoleh data empirikal secara langsung berkaitan penguasaan leksikal murid terhadap bahasa ibunda mereka. Dalam kajian lapangan, soal selidik digunakan untuk mengumpul data demografi murid Melanau. Soal selidik diedarkan kepada 15 orang responden berumur 13 hingga 17 tahun yang merangkumi maklumat asas seperti jantina, umur, latar belakang pendidikan dan pekerjaan ibu bapa serta lokasi tempat tinggal.

### Responden Kajian

Responden kajian dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan, iaitu dengan memilih murid yang memenuhi kriteria tertentu yang selaras dengan objektif kajian. Dalam kajian ini, responden terdiri daripada murid yang berbangsa Melanau dan bersekolah di beberapa buah sekolah di daerah Mukah. Pemilihan responden daripada etnik Melanau dibuat kerana kajian ini bertujuan menilai tahap kefahaman terhadap kosa kata bahasa Melanau asli dalam kalangan generasi muda Melanau. Oleh itu, hanya murid yang dikenal pasti sebagai penutur atau mempunyai latar belakang keluarga Melanau sahaja dipilih sebagai responden bagi memastikan kesesuaian data dengan fokus kajian.

Pemilihan seramai 15 orang responden adalah selaras dengan pendekatan kualitatif yang menekankan pemahaman mendalam terhadap

fenomena yang dikaji berbanding jumlah sampel yang besar. Dalam kajian kualitatif, bilangan responden yang kecil tetapi relevan dengan konteks kajian sudah memadai untuk memperoleh data yang bermakna dan dapat memberikan gambaran yang jelas terhadap fenomena yang dikaji. Selain itu, pemilihan responden berumur antara 13 hingga 17 tahun adalah kerana kajian ini memberi tumpuan kepada murid sekolah menengah yang merupakan generasi muda dalam komuniti Melanau. Golongan ini dipilih kerana mereka berada dalam fasa penting pembentukan identiti bahasa dan berpotensi mengalami perubahan penggunaan bahasa daripada bahasa ibunda kepada bahasa dominan seperti bahasa Melayu. Oleh itu, kumpulan umur ini dianggap sesuai bagi menilai tahap kefahaman kosa kata bahasa Melanau asli dalam kalangan generasi muda.

### Instrumen Kajian

Item soal selidik disusun dalam bentuk tertutup bagi memudahkan pengumpulan data yang sistematik dan seragam. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif menggunakan kekerapan bagi memberi gambaran umum latar belakang responden serta konteks penggunaan bahasa mereka. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik berbentuk ujian bertulis bagi menguji kefahaman kosa kata bahasa Melanau. Dalam ujian ini, responden diminta memberikan

makna bagi 200 kosa kata bahasa Melanau asli yang telah dipilih secara terancang. Pemilihan kosa kata ini dibuat berdasarkan kriteria kekerapan penggunaan dalam perbualan harian, kepentingannya dalam budaya setempat dan nilai linguistiknya, kosa kata tersebut merangkumi empat kategori golongan kata, iaitu kata nama, kata kerja, kata adjektif, dan kata tugas dalam bahasa Melanau.

JADUAL 1: Senarai 200 kosa kata Melanau asli

1.	Kuman [ku.man]	2.	Kapan [ka.pan]	3.	Nai [nay]	4.	Budak [bu.daʔ]
5.	Nyip [nip]	6.	Atai [a.tay]	7.	Matud [ma.tud]	8.	Kalaih [ka.layih]
9.	Kenyau [kə.ɲaw]	10.	Bedua [bə.du.wa]	11.	Gadar [ga.dar]	12.	Galet [ga.lət]
13.	Bubei [bu.bøy]	14.	Adan [a.dan]	15.	Perahug [pə.yahug]	16.	Akah [a.kah]
17.	Paman [pa.man]	18.	Pasag [pa.sag]	19.	Masaih [ma.sayih]	20.	Mengasou [mə.ɲa.səw]
21.	Masui [ma.suy]	22.	Atab [a.tab]	23.	Ayad [a.jad]	24.	Ngayan [ɲa.jan]
25.	Ba [ba]	26.	Biyaih [bi.jayih]	27.	Meba'ei [mə.ba.ey]	28.	Bakeang [ba.keyaŋ]
29.	Bahud [ba.hud]	30.	Begu [bə.gu]	31.	Belayan [bə.la.jan]	32.	Pebigag [pə.bi.gag]
33.	Buruih [bu.yu.yih]	34.	Daat [da.at]	35.	Deg [dəg]	36.	Dipah [di.pah]
37.	Dipen [di.pən]	38.	Dubau [du.baw]	39.	Dugel [du.gəl]	40.	Meduluor [mə.du.luwoŋ]
41.	Gagaih [ga.gayih]	42.	Gagok [ga.gəʔ]	43.	Galai [ga.lay]	44.	Geregitan [gə.ʔə.gi.tan]
45.	Geretek [gə.ʔətəʔ]	46.	Gilik [gi.liʔ]	47.	Gutak [gu.taʔ]	48.	Mihai [mi.hay]
49.	Pijoh [pi.dʒəh]	50.	Iker [i.kəŋ]	51.	Nimok [ni.məʔ]	52.	Mingau [mi.ɲaw]
53.	Inger [i.ɲəŋ]	54.	Itek [i.təʔ]	55.	Itieng [i.tiyəŋ]	56.	Ja'ab [dʒa.ab]
57.	Jabai [dʒa.bay]	58.	Gumei [gu.møy]	59.	Pejameak [pə.dʒa. meyaʔ]	60.	Mejangat [mə.dʒa.ɲat]
61.	Batui [ba.tuy]	62.	Mejeloh [mə.dʒə.ləh]	63.	Jemen [dʒə.mən]	64.	Jengelui [dʒe.ɲəluy]
65.	Jilai	66.	Jiwan [dʒi.wan]	67.	Juleang	68.	Jului [dʒu.luy]

	[dʒi.lay]			[dʒu.leyaŋ]			
69.	Jungat [dʒu.ŋat]	70.	Kaab [ka.əb]	71.	Kaad [ka.ad]	72.	Kaet [ka.ət]
73.	Kuhit [ku.hit]	74.	Kalet [ka.lət]	75.	Kalup [ka.lup]	76.	Kamul [ka.mul]
77.	Kanan [ka.nan]	78.	Kap [kap]	79.	Karau [ka.ɣaw]	80.	Karuong [ka.ɣuwəŋ]
81.	Kasit [ka.sit]	82.	Kaui [ka.wuy]	83.	Keak [ke.yaʔ]	84.	Kejegan [kə.dʒə.gan]
85.	Kejem [kə.dʒəm]	86.	Kukai [ku.kay]	87.	Kukeah [ku.keyah]	88.	Kelalak [kə.la.laʔ]
89.	Keletat [kə.lə.tat]	90.	Kelitan [kə.li.tan]	91.	Keludab [kə.lu.dab]	92.	Kenak [kə.naʔ]
93.	Kenasusou [kə.na.su.səw]	94.	Kikeah [ki.ke.yah]	95.	Kenya [kə.na]	96.	Kepau- kepau [kə.paw- kə.paw]
97.	Kesep [kə.səp]	98.	Kerawak [kə.ɣa.waʔ]	99.	Kereseng [kə.ɣə.səŋ]	100.	Kerengep [kə.ɣə.ŋep]
101.	Kesah-kilah [kə.sah-ki.lah]	102.	Ketep [kə.təp]	103.	Pekiap [pə.ki.yap]	104.	Kula-kulep [ku.la-ku.ləp]
105.	Kuset [ku.sət]	106.	Mengusieh [mə.ŋusiyəh]	107.	Laak [la.aʔ]	108.	Lagak [la.gaʔ]
109.	Lulak [lu.laʔ]	110.	Lilet [li.lət]	111.	Lelisu [lə.li.səw]	112.	Lepau [lə.paw]
113.	Lepak [lə.peyaʔ]	114.	Lepir [lə.pir]	115.	Likeak [li.keyaʔ]	116.	Miheng [mi.həŋ]
117.	Pelisuok [pə.li.suwoʔ]	118.	Petuha [pə.tu.ha]	119.	Pelului [pə.lu.luy]	120.	Maak [ma.aʔ]
121.	Magak [ma.gaʔ]	122.	Magou [ma.gəw]	123.	Maheng [ma.həŋ]	124.	Malum [ma.lum]
125.	Medet [mə.dət]	126.	Megeguoh [mə.gə.guwəh]	127.	Mekub [mə.kub]	128.	Melawu [mə.lawu]
129.	Mengeneh [mə.ŋə.nəh]	130.	Menyem [mə.ŋəm]	131.	Merengen [mə.ɣə.ŋən]	132.	Mesin [mə.sin]
133.	Muui [mu.uy]	134.	Muwau [mu.waw]	135.	Neah [ne.yah]	136.	Nulik [nu.liʔ]
137.	Nyel [n.əl]	138.	Pahoh [pa.həh]	139.	Pajuh [pa.dʒuh]	140.	Pepaleang [pə.pa.leyaŋ]
141.	Panit [pa.nit]	142.	Panyok [pa.ŋəʔ]	143.	Pasil [pa.sil]	144.	Tug [tug]
145.	Mepeang [mə.pe.yaŋ]	146.	Pedag [pə.dag]	147.	Pelupoh [pə.lu.pəh]	148.	Memepag [mə.mə.pag]
149.	Sutu [su.tu]	150.	Perayih [pə.ɣa.jih]	151.	Peresak [pə.ɣə.saʔ]	152.	Peresiek [pə.ɣə.siyeʔ]

153. Pesusug [pə.su.sug]	154. Pidin [pi.din]	155. Piup [pi.yup]	156. Pugai [pu.gay]
157. Puhou [pu.həw]	158. Memulit [mə.mu.lit]	159. Radieng [ya.diyəŋ]	160. Perahuong [pə.ra.huwəŋ]
161. Mesabau [mə.sa.baw]	162. Rakak [ya.kaʔ]	163. Nerakit [nə.ya.kit]	164. Beranyi [bə.yani]
165. Reba-rebou [yə.ba-yə.bəw]	166. Regen [yə.gəŋ]	167. Riberi [ri.bey]	168. Rikeb [ri.kəb]
169. Ruheng [yu.həŋ]	170. Sabuok [sa.buwəʔ]	171. Sadei [sa.dey]	172. Sahei [sa.hey]
173. Sahuong [sa.hu wəŋ]	174. Sakah [sa.kah]	175. Sakir [sa.kir]	176. Saleh [sa.leh]
177. Samui [sa.muy]	178. Sapeang [sa.peyaŋ]	179. Sapul [sa.pul]	180. Sarok [sa.yəʔ]
181. Pesasad [pə.sa.s ad]	182. Pesayah [pə.sa.j ah]	183. Sayan [sa.jan]	184. Suseang [su.seyaŋ]
185. Senebakan [sə.n ə.ba.kan]	186. Sebulun [sə.bu.l un]	187. Sedeman [sə.də.ma n]	188. Segagai [sə.ga.gay]
189. Sengin [sə.ŋin]	190. Menyeguar [mə. jəguwar]	191. Senekep [sə.nə.kəp ]	192. Sekilap [sə.ki.lap]
193. Petaat [pə.ta.at]	194. Tagan [ta.gan]	195. Petahad [pə.ta.had]	196. Tebileng [tə.bi.ləŋ]
197. Tepuan [tə.pu. wan]	198. Ulai [u.lay]	199. Munyai [mu.nay]	200. Tapok [ta.poʔ]

Data tersebut kemudian dianalisis dengan menilai ketepatan jawapan responden dengan merujuk kepada Kamus Bahasa Melanau-Bahasa Melayu terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai rujukan utama bagi memastikan ketepatan dan keseragaman taksiran makna. Selain itu, pengkaji turut mendapatkan pengesahan daripada penutur jati bahasa Melanau bagi beberapa kosa kata yang mempunyai variasi sebutan atau makna mengikut dialek tempatan. Bilangan murid yang

memberikan jawapan betul bagi setiap kosa kata dijadikan asas untuk menentukan tahap kefahaman. Kosa kata yang dijawab betul oleh 11 hingga 15 orang murid dikategorikan pada tahap tinggi, manakala kosa kata yang dijawab betul oleh 6 hingga 10 orang murid berada pada tahap kefahaman sederhana. Seterusnya, kosa kata yang hanya dijawab betul oleh 0 hingga 5 orang murid diklasifikasikan pada tahap kefahaman rendah.

JADUAL 2: Jadual tahap kefahaman kosa kata bahasa Melanau asli

Tahap Kefahaman	Bilangan Murid Menjawab Betul	Interpretasi
Tinggi	11-15	Kosa kata tersebut difahami dengan baik oleh majoriti murid.
Sederhana	6-10	Kosa kata tersebut difahami oleh sebahagian murid tetapi tidak menyeluruh.
Rendah	0-5	Kosa kata tersebut kurang difahami atau tidak dikenali oleh kebanyakan murid.

## DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian mengenai latar belakang demografi responden dan

tahap kefahaman murid Melanau terhadap 200 kosa kata bahasa Melanau asli yang diuji melalui

instrumen kajian. Perbincangan ini difokuskan kepada pengelasan tahap kefahaman kosa kata, iaitu tinggi, sederhana dan rendah berdasarkan

bilangan jawapan betul yang diberikan oleh responden.

### Latar Belakang Demografi Responden

Bahagian ini membincangkan latar belakang demografi responden kajian yang terdiri daripada murid Melanau di daerah Mukah. Maklumat demografi ini merangkumi aspek jantina, tempat tinggal, umur, tahap pendidikan ibu, pekerjaan ibu,

tahap pendidikan bapa, dan pekerjaan bapa. Data ini penting untuk memberikan gambaran menyeluruh tentang profil responden yang terlibat dalam kajian.

JADUAL 3: Demografi responden kajian

Kategori	Subkategori	Ibu	Bapa	Bilangan
Jantina	Lelaki	-	-	8
	Perempuan	-	-	7
Umur	13 tahun	-	-	2
	14 tahun	-	-	4
	15 tahun	-	-	1
	16 tahun	-	-	5
	17 tahun	-	-	3
Tempat tinggal	Bandar	-	-	1
	Luar bandar	-	-	14
Tahap pendidikan ibu bapa	Tiada pendidikan formal	0	0	-
	Sekolah rendah	1	1	-
	Sekolah menengah	8	9	-
	Diploma/STPM	4	2	-
	Ijazah dan ke atas	2	3	-
Pekerjaan ibu bapa	Tidak bekerja/suri rumah	9	0	-
	Berniaga sendiri	0	1	-
	Sektor awam	5	5	-
	Sektor swasta	0	4	-
	Lain-lain	1	5	-

Jadual 3 menunjukkan bahawa seramai lapan orang responden adalah lelaki, manakala tujuh orang responden adalah perempuan. Taburan ini menunjukkan penglibatan yang hampir seimbang antara responden lelaki dan perempuan, sekali gus memastikan perspektif kedua-dua jantina diwakili dalam kajian ini. Majoriti responden, iaitu seramai 14 orang tinggal di kawasan luar bandar, manakala hanya seorang responden tinggal di kawasan bandar. Taburan ini menunjukkan bahawa kajian ini lebih banyak melibatkan responden dari kawasan luar bandar, selaras dengan konteks komuniti Melanau di daerah Mukah yang majoritinya menetap di luar bandar.

Selain itu, Jadual 3 juga menunjukkan bahawa responden berumur antara 13 hingga 17 tahun. Taburan umur adalah seperti berikut; dua orang berumur 13 tahun, empat orang berumur 14 tahun, seorang berumur 15 tahun, lima orang berumur 16 tahun, dan tiga orang berumur 17 tahun. Data ini memperlihatkan bahawa majoriti responden terdiri daripada kumpulan umur remaja pertengahan, iaitu antara 14 hingga 16 tahun.

Seterusnya, hasil analisis mendapati bahawa majoriti ibu responden berpendidikan sekolah menengah, iaitu seramai lapan orang. Seterusnya, empat orang ibu responden berkelulusan diploma atau STPM, manakala dua orang memiliki ijazah atau kelulusan yang lebih tinggi, dan hanya seorang berpendidikan sekolah rendah. Tiada ibu responden yang tidak mempunyai pendidikan formal. Bagi bapa responden pula, majoriti juga berpendidikan sekolah menengah, iaitu seramai sembilan orang. Selain itu, tiga orang memiliki ijazah atau kelulusan lebih tinggi, manakala dua orang berkelulusan diploma atau STPM, dan seorang bapa berpendidikan sekolah rendah. Tiada bapa responden yang tidak mempunyai pendidikan formal.

Bagi taburan pekerjaan ibu bapa pula, hasil analisis mendapati bahawa majoriti ibu responden, iaitu seramai sembilan orang bekerja sebagai suri rumah sepenuh masa. Seramai lima orang ibu responden bekerja dalam sektor awam, termasuk yang berkhidmat sebagai guru dan kerani sekolah, manakala seorang ibu responden tergolong dalam kategori lain-lain yang merangkumi pekerjaan

tidak tetap atau kerja sambilan. Tiada ibu responden yang menjalankan perniagaan sendiri atau bekerja di sektor swasta.

Bagi bapa responden, seramai lima orang bekerja dalam sektor awam, termasuk berkhidmat sebagai guru, anggota polis, kerani sekolah, dan kakitangan Jabatan Kerja Raya (JKR). Seterusnya, lima orang bapa tergolong dalam kategori lain-lain

yang merangkumi seorang pesara, dan beberapa individu yang bekerja sendiri dalam bidang tidak tetap, serta seorang bekerja sebagai nelayan. Empat orang bapa responden bekerja di sektor swasta seperti pembinaan dan perkhidmatan, manakala seorang bapa menjalankan perniagaan sendiri. Tiada bapa responden yang tidak bekerja.

### Analisis Tahap Kefahaman 200 Kosa Kata Bahasa Melanau Asli

Berdasarkan analisis soal selidik yang melibatkan 15 orang murid Melanau di daerah Mukah, didapati hanya 15 kosa kata yang mencapai tahap kefahaman tinggi (11-15 orang murid yang menjawab betul). Sebaliknya, 49 kosa kata berada pada tahap kefahaman sederhana, iaitu dijawab betul oleh 6 hingga 10 orang murid, manakala sebahagian besar, iaitu 136 kosa kata tergolong dalam tahap kefahaman rendah kerana hanya 0 hingga 5 orang murid yang berjaya memberikan jawapan yang tepat. Dapatan ini memperlihatkan

bahawa penguasaan kosa kata bahasa Melanau asli dalam kalangan murid masih rendah secara keseluruhan, sekali gus menunjukkan jurang yang ketara antara generasi muda Melanau dengan bahasa warisan mereka. Kajian ini akan membahagikan dan menjelaskan dapatan mengenai tahap kefahaman kosa kata Melanau asli kepada tiga kategori, iaitu tahap kefahaman tinggi, sederhana, dan rendah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5, 6, dan 7.

JADUAL 4: Tahap kefahaman murid terhadap 200 kosa kata bahasa Melanau asli

Tahap Kefahaman	Bilangan Kosa Kata Melanau yang Dijawab Betul oleh Murid
Tinggi (11-15)	15
Sederhana (6-10)	49
Rendah (0-5)	136
<b>Jumlah</b>	<b>200</b>

### Kosa Kata dengan Tahap Kefahaman Tinggi

Dapatan menunjukkan bahawa hanya 15 kosa kata berada pada tahap kefahaman tinggi, iaitu dikenal pasti dengan tepat oleh sekurang-kurangnya 11 hingga 15 orang murid. Kosa kata tersebut ialah *nyip* (gusi), *kapan* (tebal), *atai* (hati), *nai* (pasir), *paman* (hanyut), *masui* (membawa), *dipah* (seberang), *budak* (buih), *biyaih* (badan), *malum* (sembuh), *menyem* (tawar), *akah* (akar), *lepau* (pondok), *munyi* (mengejek), dan *tapok* (banjir). Analisis ini turut memperlihatkan bahawa sebahagian besar kosa kata ini merupakan kata nama konkrit, khususnya yang merujuk kepada anggota tubuh, unsur alam dan fenomena semula jadi, dan objek fizikal seperti *akah*, *lepau*, dan *budak*. Sifat konkrit yang dapat dirujuk secara visual dan kewujudannya dalam persekitaran harian menjadikan kosa kata ini lebih mudah dikenal pasti oleh murid. Tambahan pula, beberapa kosa kata seperti *paman*, *masui*, dan *munyi* merupakan kata kerja yang sering digunakan dalam interaksi harian, terutamanya bersama ahli keluarga atau rakan sebaya. Penggunaan kosa kata tersebut

dalam interaksi harian turut menyumbang kepada keupayaan responden untuk mengingat dan mengenal pasti maknanya dengan lebih mantap.

Meskipun berada dalam kategori kefahaman tinggi, bilangan kosa kata tersebut hanyalah sebahagian kecil daripada jumlah keseluruhan 200 kosa kata yang dinilai. Keadaan ini menggambarkan bahawa hanya sebahagian kecil kosa kata Melanau masih kekal dalam penggunaan harian dan berada dalam ruang pengetahuan aktif murid. Justeru, kosa kata yang berada dalam kategori kefahaman tinggi ini boleh dianggap sebagai perbendaharaan kata asas yang masih aktif digunakan dalam komunikasi masyarakat Melanau. Kelangsungan kosa kata tersebut berkemungkinan berkait rapat dengan pewarisan lisan dalam keluarga, penggunaan dalam interaksi harian, dan pendedahan berterusan melalui konteks budaya setempat. Dapatan ini turut memperlihatkan bahawa perkataan yang mempunyai rujukan konkrit, dekat dengan pengalaman kehidupan seharian, dan relevan dalam situasi moden

cenderung untuk lebih mudah diingati dan dikenal pasti maknanya oleh murid. Sebaliknya, kosa kata yang bersifat abstrak atau kurang digunakan dalam pertuturan semasa, khususnya berkaitan dengan

warisan tradisi yang semakin terhakis didapati kurang menonjol dalam ingatan linguistik generasi muda.

JADUAL 5: Kosa kata dengan tahap kefahaman tinggi

Bil.	Kosa Kata Melanau	Maksud
1.	Nyip [nip] (kata nama)	gusi
2.	Kapan [ka.pan] (kata adjektif)	tebal
3.	Atai [a.taj] (kata nama)	hati
4.	Nai [naj] (kata nama)	pasir
5.	Paman [pa.man] (kata kerja)	hanyut
6.	Masui [ma.suj] (kata kerja)	membawa
7.	Dipah [di.pah] (kata tugas)	seberang
8.	Budak [bu.da?] (kata nama)	buih
9.	Biyaih [bi.yaih] (kata nama)	badan
10.	Malum [ma.lum] (kata adjektif)	sembuh
11.	Menyem [mə.nəm] (kata adjektif)	tawar
12.	Akah [a.kah] (kata nama)	akar
13.	Lepau [lə.paw] (kata nama)	pondok
14.	Munyai [mu.naj] (kata kerja)	mengejek
15.	Tapok [ta.pɔ?] (kata nama)	banjir

### Kosa Kata dengan Tahap Kefahaman Sederhana

Kosa kata yang berada dalam kategori tahap sederhana terdiri daripada 49 patah perkataan seperti yang dipaparkan dalam jadual 10, iaitu perkataan yang dikenal pasti dengan betul oleh 6 hingga 10 orang murid. Kategori ini merangkumi pelbagai golongan kata, termasuk kata nama, kata adjektif, dan kata tugas. Kata kerja merupakan golongan kata yang mencatat bilangan tertinggi berada pada tahap kefahaman sederhana dalam kalangan murid. Hal ini menunjukkan bahawa murid lebih banyak memahami kata kerja Melanau berbanding kosa kata lain dalam lingkungan ini. Kebanyakan kata kerja yang diuji berjaya dikenal pasti atau difahami secara separa oleh murid, meskipun tidak sepenuhnya tepat bagi keseluruhan responden. Misalnya seperti *kalup*, *saleh*, *mejeloh*, *kenyau*, *pasag*, *pebigag*, *pijoh*, *ka'et*, *kelalak*, *pajuh*, *bakeang*, *jengelui*, *jungat*, *kelitan*, *kenasusou*, *petuha*, *matud*, *itek*, *kejegan*, *mengusieh*, *lagak*, dan *sahuong*. Dapatan ini turut memberi gambaran bahawa murid Melanau masih

mempunyai pengetahuan asas terhadap kata kerja dalam bahasa Melanau, namun tahap penguasaannya belum mencapai tahap optimum dan memerlukan pengukuhan lanjut agar kefahaman dapat dipertingkatkan secara menyeluruh.

Tahap kefahaman sederhana ini boleh dijelaskan melalui beberapa faktor linguistik dan sosiobudaya. Pertama, sebahagian besar kosa kata dalam kumpulan ini merujuk kepada perbuatan, keadaan ataupun sifat, iaitu konsep yang tidak mempunyai rujukan visual yang tetap menyebabkan keupayaan murid untuk mengingat perkataan tersebut tidak sekuat kosa kata konkrit yang berada dalam kategori tahap tinggi. Bukan itu sahaja, terdapat perkataan yang masih digunakan dalam pertuturan masyarakat, namun tidak digunakan secara konsisten atau mungkin hanya digunakan dalam konteks tertentu seperti adat. Seterusnya, kehadiran kosa kata yang berkait rapat dengan amalan tradisional seperti perkataan *bedua*,

*dipen* dan *petuha* menunjukkan murid mungkin pernah terdedah kepada perkataan ini melalui interaksi keluarga. Namun, penggunaannya tidak lagi meluas menyebabkan tahap ingatan dan kefahaman mereka terhadap kosa kata tersebut berada pada skala sederhana. Secara keseluruhan, dapatan bagi kategori sederhana ini memberi gambaran bahawa murid memiliki pengetahuan

terhadap kosa kata yang masih wujud dalam ruang penggunaan tertentu, tetapi tidak dalam bentuk penggunaan harian yang aktif. Kefahaman terhadap kosa kata ini berpotensi dipertingkatkan dengan pendedahan yang lebih kerap melalui komunikasi harian, pendidikan formal dan pengukuhan melalui media serta aktiviti budaya.

JADUAL 6: Kosa kata dengan tahap kefahaman sederhana

Bil.	Kosa Kata Melanau	Maksud
1.	Kuman [ku.man] (kata tugas)	dari
2.	Begu [bə.gu] (kata adjektif)	riuh-rendah
3.	Kalup [ka.lup] (kata kerja)	siap
4.	Saleh [sa.leh] (kata kerja)	air surut
5.	Ulai [u.laj] (kata adjektif)	kiri
6.	Adan [a.dan] (kata nama)	penamat
7.	Ayad [a.yad] (kata nama)	ombak
8.	Buruih [bu.yujih] (kata nama)	cirit-birit
9.	Mejeloh [mə.dʒə.ləh] (kata kerja)	menghulur
10.	Kamul [ka.mul] (kata nama)	selimut
11.	Karuong [ka.yuwəŋ] (kata nama)	saku/kocek
12.	Melawu [mə.lawu] (kata adjektif)	layu
13.	Muwau [mu.waw] (kata adjektif)	mamai/nyanyok
14.	Tug [tug] (kata nama)	tumit
15.	Sarok [sa.ʒəʔ] (kata adjektif)	keliru
16.	Sengin [sə.ŋin] (kata adjektif)	degil
17.	Kenyau [kə.ŋaw] (kata kerja)	bisik
18.	Pasag [pa.saʔ] (kata kerja)	berehat
19.	Pebigag [pə.bi.gag] (kata kerja)	mencangkung
20.	Pijoh [pi.dʒəh] (kata kerja)	melunjur
21.	Ka'et [ka.ət] (kata kerja)	nyala
22.	Kanan [ka.nan] (kata nama)	tempayan
23.	Kelalak [kə.la.laʔ] (kata kerja)	kenal
24.	Pajuh [pa.dʒuh] (kata kerja)	membedal/membantai
25.	Bedua [bə.du.wa] (kata nama)	roh/semangat
26.	Bubei [bu.bej] (kata tugas)	kenapa
27.	Meba'ei [mə.ba.ey] (kata adjektif)	basi

28.	Bakeang [ba.keyaŋ] (kata kerja)	suap
29.	Dipen [di.pən] (kata nama)	hamba
30.	Jengelui [dʒe.ŋəluy] (kata kerja)	tergelincir
31.	Jungat [dʒu.ŋat] (kata kerja)	tengok
32.	Karau [ka.ɣaw] (kata adjektif)	kejang/kaku
33.	Kelitan [kə.li.tan] (kata kerja)	mengupas
34.	Kenasusou [kə.na.su.səw] (kata kerja)	dilahirkan
35.	Petuha [pə.tu.ha] (kata kerja)	berkabung
36.	Sakir [sa.kiɻ] (kata nama)	cangkir
37.	Matud [ma.tud] (kata kerja)	menyepak
38.	Galai [ga.lay] (kata adjektif)	cepat
39.	Itek [i.təʔ] (kata kerja)	geletek
40.	Batui [ba.tuy] (kata tugas)	pertama
41.	Kejegan [kə.dʒə.gan] (kata kerja)	hempap/tindih/timpa
42.	Mengusieh [mə.ŋusiyəh] (kata kerja)	mengusik
43.	Lagak [la.gaʔ] (kata kerja)	letak
44.	Ma'ak [ma:aʔ] (kata adjektif)	semput/sesak nafas
45.	Magou [ma.gəw] (kata adjektif)	lebam
46.	Mengeneh [mə.ŋə.nəh] (kata adjektif)	pelik
47.	Reba-rebou [ɻə.ba-ɻə.bəw] (kata adjektif)	kusut masai
48.	Sahuong [sa.huwəŋ] (kata kerja)	menadah
49.	Sayan [sa.yan] (kata nama)	perangai/kelakukan/tabiat

### Kosa kata dengan Tahap Kefahaman Rendah

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak 136 kosa kata bahasa Melanau asli tergolong dalam tahap kefahaman rendah. Kumpulan ini mewakili bilangan tertinggi berbanding kategori lain, sekali gus memperlihatkan bahawa sebahagian besar kosa kata asli tidak lagi dikuasai dengan baik oleh murid Melanau pada masa ini. Kosa kata dalam tahap kefahaman rendah ini dikenal pasti sebagai leksikon yang jarang digunakan dalam komunikasi harian, selain terikat kepada konteks budaya tertentu yang penggunaannya semakin berkurangan dalam kehidupan moden murid Melanau. Secara keseluruhan, kepelbagaian jenis kata dalam kelompok ini turut menunjukkan bahawa penguasaan murid terhadap kosa kata asas dan kosa kata yang berkaitan dengan budaya Melanau

semakin berkurang dalam kalangan generasi muda.

Sebanyak 37 kosa kata dalam kumpulan ini merupakan kata nama yang merujuk kepada objek, haiwan, peralatan, fenomena alam dan lain-lain. Kebanyakan kata nama dalam kategori ini merujuk kepada unsur leksikal yang berkait rapat dengan perkara yang jarang digunakan dalam persekitaran moden. Misalnya, *dugel*, *ngayan*, *bahud*, *gutak*, dan *lepir*. Ketidakfahaman murid terhadap kata nama ini menggambarkan jurang pengalaman budaya antara generasi kerana sebahagian besar kosa kata tersebut semakin jarang digunakan oleh generasi moden. Kosa kata tersebut juga tidak lagi diterapkan dalam penggunaan seharian dan secara praktikal telah digantikan dengan padanan bahasa Melayu, menyebabkan

murid kurang terdedah kepada penggunaannya dalam konteks pertuturan mahupun kehidupan budaya masyarakat Melanau. Bahagian ini menunjukkan bahawa sebahagian kosa kata dalam kategori ini berada pada tahap kefahaman rendah, khususnya yang terdiri daripada kata nama. Kosa kata Melanau yang tidak difahami oleh murid akan

digantikan dengan padanan dalam bahasa Melayu, di mana sesetengah kosa kata disesuaikan dengan sebutan bahasa Melanau manakala yang lain terus digantikan sepenuhnya dengan bahasa Melayu. Berikut merupakan penggantian kosa kata *dugel*, *geretek*, *ngayan*, *bahud*, *gutak*, dan *lepir*.

JADUAL 7: Kosa kata dengan Tahap Kefahaman Rendah

Bil.	Kosa Kata Melanau	Maksud
1.	Kalaih [ka.laih] (kata adjektif)	Merah jambu
2.	Masaih [ma.saih] (kata kerja)	menggesel
3.	Ngayan [ŋa.yan] (kata nama)	bilik
4.	Bahud [ba.hud] (kata nama)	suara
5.	Deg [dɔg] (kata kerja)	sentuh
6.	Dugel [du.gəl] (kata nama)	gastrik
7.	Mihai [mi.hay] (kata kerja)	menabur
8.	Jabai [dʒa.bay] (kata kerja)	ikut/bersama
9.	Jilai [dʒi.lay] (kata kerja)	jelir
10.	Kuhid [ku.hid] (kata kerja)	menggores/mencukur
11.	Kukeah [ku.keyah] (kata kerja)	memadam
12.	Ketep [kə.təp] (kata kerja)	titis
13.	Kula-kulep [ku.la-ku.ləp] (kata adjektif)	tergopoh-gapah
14.	Magak [ma.gaʔ] (kata adjektif)	jemu/muak
15.	Muui [mu:uy] (kata kerja)	membuat sagu
16.	Nulik [nu.liʔ] (kata tugas)	kerana/lantaran/sebab
17.	Nyel [n.əl] (kata adjektif)	tumpul
18.	Pepaleang [pə.pale.yaŋ] (kata adjektif)	melintang
19.	Radieng [ɣa.di.yəŋ] (kata kerja)	bangkit
20.	Sakah [sa.kah] (kata adjektif)	cergas
21.	Pesayah [pə.sa.yah] (kata kerja)	berkunjung
22.	Suseang [su.seyaŋ] (kata kerja)	membayar
23.	Perahug [pə.ra.huʔ] (kata kerja)	tercucuk/tertusuk
24.	Atab [a.tab] (kata adjektif)	selang/antara
25.	Geregitan [gə.ɣe.gi.tan] (kata adjektif)	geram
26.	Geretek [gə.ɣə.təʔ] (kata nama)	jambatan
27.	Nimok [ni.məʔ] (kata kerja)	diperam

28.	Itieng [i.tiyeŋ] (kata nama)	tangkai
29.	Jiwan [dʒi.wan] (kata nama)	titi
30.	Kap [kap] (kata nama)	helai
31.	Kikeah [ki.ke.yah] (kata kerja)	dipadam
32.	Kenya [kə.ŋa] (kata kerja)	tamat
33.	Kesah-kilah [kə.sah-ki.lah] (kata adjektif)	resah-gelisah
34.	La'ak [la:aʔ] (kata adjektif)	terang
35.	Pelisuok [pə.li.suwɔʔ] (kata kerja)	berselisih
36.	Medet [mə.dət] (kata kerja)	gelak
37.	Pahoh [pa.hoh] (kata kerja)	terperosok
38.	Sutu [su.tu] (kata nama)	contoh
39.	Pugai [pu.gay] (kata nama)	guna-guna
40.	Sabuok [sa.buwɔʔ] (kata nama)	samping
41.	Pesasad [pə.sa.sad] (kata kerja)	mengensot
42.	Petahad [pə.ta.had] (kata kerja)	meneran
43.	Mengasou [mə.ŋa.sow] (kata kerja)	memburu
44.	Ba [ba] (kata kerja)	buka
45.	Da'at [da.ad] (kata nama)	laut
46.	Meduluor [mə.du.luwoŋ] (kata kerja)	mengabulkan
47.	Gilik [gi.liʔ] (kata kerja)	geleng
48.	Mingau [mi.ŋaw] (kata adjektif)	rindu
49.	Gumei [gu.məy] (kata nama)	janggut
50.	Pejameak [pə.dʒa.meyaʔ] (kata kerja)	berjelum
51.	Jemen [dʒə.mən] (kata kerja)	kenang
52.	Juleang [dʒu.leyaŋ] (kata nama)	lesung
53.	Ka'ad [ka:ad] (kata nama)	generasi
54.	Kalet [ka.lət] (kata adjektif)	terbantut
55.	Kasit [ka.sit] (kata kerja)	percik
56.	Pekiap [pə.ki.yap] (kata kerja)	berkipas
57.	Lilet [li.lət] (kata kerja)	menyumbat
58.	Merengen [mə.ŋə.ŋən] (kata adjektif)	tidak peduli
59.	Mesin [mə.sin] (kata adjektif)	berpuaka
60.	Panit [pa.nit] (kata nama)	ikan yu
61.	Mepeang [mə.pe.yaŋ] (kata kerja)	menyidai

62.	Pedag [pə.dəg] (kata kerja)	terkandas
63.	Memepag [mə.mə.pəg] (kata kerja)	membanting
64.	Puhou [pu.həw] (kata nama)	cacar
65.	Memulit [mə.mu.lit] (kata kerja)	mengungkit
66.	Mesabau [mə.sa.baw] (kata kerja)	merajuk
67.	Nerakit [nə.ɣa.kit] (kata kerja)	didekati
68.	Ruheng [ɣu.həŋ] (kata kerja)	mengerubungi
69.	Samui [sa.muɪ] (kata kerja)	aduk
70.	Senekep [sə.nə.kəp] (kata kerja)	dipasang
71.	Petaat [pə.taʔat] (kata adjektif)	gagap
72.	Gadar [ga.dəɣ] (kata adjektif)	jernih/lut sinar
73.	Belayan [bə.la.ɣan] (kata nama)	perangai
74.	Dubau [du.baw] (kata kerja)	berleter/omelan
75.	Iker [i.kə] (kata kerja)	ingkar
76.	Inger [i.ŋəɣ] (kata adjektif)	cuai/lalai/leka
77.	Jaab [dʒa.ab] (kata kerja)	jerang
78.	Mejangat [mə.dʒa.ŋat] (kata kerja)	menjenguk
79.	Kukai [ku.kəɣ] (kata kerja)	menyelongkar
80.	Kerengep [kə.ɣə.ŋəp] (kata kerja)	lelap
81.	Kuset [ku.sət] (kata kerja)	susut
82.	Lulak [lu.laʔ] (kata kerja)	Menebas rumput/meluaskan kawasan
83.	Lelisou [lə.li.səw] (kata nama)	Pusaran angin
84.	Megeguoh [mə.gə.guwoh] (kata kerja)	luruh/gugur
85.	Mekub [mə.kub] (kata adjektif)	kembung
86.	Panyok [pa.ŋəʔ] (kata nama)	penyu
87.	Pasil [pa.sil] (kata nama)	faedah
88.	Peresak [pə.ɣə.saʔ] (kata nama)	Sapu tangan
89.	Peresiek [pə.ɣə.siyəʔ] (kata nama)	Anak udang
90.	Pidin [pi.din] (kata nama)	sirip
91.	Perahuong [pə.ɣa.huwoŋ] (kata kerja)	merayau
92.	Rikeb [ɣi.kəb] (kata adjektif)	labuh
93.	Sapul [sa.pul] (kata kerja)	bantu/tolong
94.	Senebakan [sə.nə.ba.kan] (kata kerja)	terkena perbuatan orang
95.	Sebulun [sə.bu.lun] (kata kerja)	Jatuh berguling

96.	Tebileng [tə.bi.ləŋ] (kata adjektif)	baik/terbilang
97.	Gagaih [ga.ga.ih] (kata adjektif)	cergas
98.	Gutak [gu.taʔ] (kata nama)	tenaga
99.	Ka'ab [ka.əb] (kata adjektif)	Sekali gus
100.	Keletat [kə.lə.tat] (kata kerja)	Menyoal dengan bertubi-tubi
101.	Kenak [kə.naʔ] (kata adjektif)	sesuai/sepadan
102.	Kesep [kə.səp] (kata adjektif)	Tidak berbiji
103.	Kereseng [kə.ɣə.səŋ] (kata adjektif)	Berkerut dahi
104.	Lepir [lə.piɿ] (kata nama)	Muka surat
105.	Likeak [li.keyaʔ] (kata adjektif)	leper
106.	Miheng [mi.həŋ] (kata adjektif)	redup/mendung
107.	Maheng [ma.həŋ] (kata adjektif)	berkilau
108.	Pelupoh [pə.lu.pəh] (kata nama)	picisan
109.	Perayih [pə.ɣa.yih] (kata nama)	hadiah
110.	Pesusug [pə.su.sug] (kata kerja)	bertubi-tubi
111.	Piup [pi.yup] (kata nama)	Upacara membuang kabung
112.	Rakak [ɣa.kaʔ] (kata adjektif)	tamak
113.	Beranyi [bə.ɣa.ni] (kata kerja)	menuai
114.	Ribei [ɿi.bej] (kata adjektif)	burai
115.	Sadei [sa.dey] (kata nama)	rintihan/keluhan
116.	Menyeguar [mə.nə.gu.waɿ] (kata kerja)	menyelongkar
117.	Tagan [ta.gan] (kata nama)	kumpulan/kelompok
118.	Tepuan [tə.pu.wan] (kata nama)	perasa masakan
119.	Galet [ga.lət] (kata adjektif)	segan/silu
120.	Gagok [ga.gəʔ] (kata adjektif)	janggal/kekok
121.	Jului [dʒu.luy] (kata kerja)	luncur
122.	Kaui [ka.wuy] (kata kerja)	kaut
123.	Keak [ke.yaʔ] (kata nama)	kelemumur
124.	Kejem [kə.dʒəm] (kata adjektif)	kecut
125.	Keludab [kə.lu.dab] (kata nama)	selaput
126.	Kepau-kepau [kə.paw-kə.paw] (kata adjektif)	Tidak keruan
127.	Kerawak [kə.ɣa.waʔ] (kata adjektif)	kecewa
128.	Lepeak [lə.peyaʔ] (kata nama)	Kain buruk
129.	Pelului [pə.lu.luy] (kata kerja)	berheret

130.	Neah [ne.yah] (kata nama)	suhu
131.	Regen [ɣə.gən] (kata nama)	sekeluarga/sekumpulan
132.	Sahei [sa.hey] (kata kerja)	Menziarahi kematian
133.	Sapeang [sa.peyaŋ] (kata nama)	singlet
134.	Sedeman [sə.də.man] (kata adjektif)	Pedih mata kena sabun
135.	Segagai [sə.ga.gay] (kata kerja)	berganding
136.	Sekilap [sə.ki.lap] (kata kerja)	terselak

### Penggantian Kata Nama Melanau kepada Kata Nama Bahasa Melayu

Kategori kata kerja pula mencatatkan bilangan tertinggi, iaitu sebanyak 62 kosa kata melibatkan perbuatan yang jarang dilakukan pada masa ini. Kebanyakan kata kerja tahap rendah menggambarkan tindakan khusus seperti kegiatan ekonomi, penghasilan makanan tradisional, atau perbuatan ritual. Sebagai contoh *beranyi* yang bermaksud menuai padi jarang digunakan kerana aktiviti tersebut tidak lagi dilakukan oleh generasi muda dan juga tidak dilakukan di kawasan Mukah. Selain itu, kosa kata tersebut lebih difahami oleh generasi tua dan generasi pertengahan, sekali gus menggambarkan perbezaan pengalaman budaya antara generasi dalam komuniti Melanau. Dalam konteks semasa, generasi muda cenderung menggunakan istilah menuai padi, iaitu terus menukarnya kepada bahasa Melayu menyebabkan kosa kata Melanau asli semakin kurang digunakan dan akhirnya tidak lagi dikenal pasti oleh mereka.

Bukan itu sahaja, perbuatan penghasilan makanan tradisional, iaitu *mu'ui* yang bermaksud membuat sagu juga tergolong dalam tahap kefahaman rendah kerana generasi muda yang tidak berminat untuk mengikuti aktiviti tersebut. Walaupun *mu'ui* masih aktif diamalkan dalam masyarakat Melanau, aktiviti ini lebih banyak dilakukan oleh generasi tua, sekali gus

menyebabkan generasi muda kurang terdedah kepada proses pembuatannya dan seterusnya kurang memahami kosa kata berkaitan. Amalan ritual seperti *piup*, iaitu upacara selepas perkabungan sesuatu kematian secara besar-besaran tidak lagi diamalkan pada masa ini kerana majoriti masyarakat Melanau telah berpegang kepada agama tertentu, sekali gus menyebabkan praktik tradisi tersebut semakin terpinggir dalam kehidupan moden.

Terdapat juga kata kerja lain yang tidak diketahui oleh murid dan akhirnya digantikan dengan penggunaan bahasa Melayu dalam pertuturan seharian, misalnya *kukeah*, *suseang*, *pelisuok*, *mengasou*, dan *mesabau*. Contoh tersebut hanyalah sebahagian daripada jumlah kosa kata yang berada pada tahap kefahaman rendah, khususnya kategori kata kerja. Keadaan ini turut menunjukkan pola yang sama seperti dalam kategori kata nama, iaitu kata kerja Melanau yang kurang difahami telah digantikan terus dengan padanan bahasa Melayu menyebabkan generasi muda semakin tidak terdedah kepada bentuk kata kerja asli dalam bahasa Melanau. Berikut merupakan penggantian kosa kata *kukeah*, *suseang*, *pelisuok*, *mengasou*, dan *mesabau*.

JADUAL 8: Penggantian kata nama Melanau kepada kata nama bahasa Melayu

Kosa Kata Melanau	Padanan Bahasa Melayu	Sebutanyang Disesuaikan
dugel	gastrik	Gastrik [gas.triʔ]
Geretek	Jambatan	Jambatan [dʒam.ba.tan]
ngayan	bilik	Bilit [bi.lit]
bahud	suara	Suarak [su.wa.raʔ]
gutak	tenaga	Tenaga [tə.na.ga]
Lepir	Muka surat	Muka surat [mu.ka] [su.yat]

### Penggantian Kata Kerja Melanau kepada Kata Kerja Bahasa Melayu

Kekaburan kata kerja ini berpunca daripada ketiadaan pengalaman langsung murid Melanau dalam menjalankan perbuatan tersebut menyebabkan mereka sukar mengaitkan bentuk kata dengan tindakan sebenar dalam dunia nyata. Secara keseluruhannya, tahap kefahaman yang rendah ini turut dipengaruhi oleh perubahan gaya hidup, peralihan pengalaman budaya dan dominasi bahasa Melayu dalam komunikasi harian yang mendorong murid untuk menggantikan kata kerja Melanau dengan padanan bahasa Melayu. Kebergantungan ini seterusnya mempercepatkan penghakisan kosa kata asli dalam generasi muda dan mencerminkan jurang linguistik yang semakin ketara antara generasi dalam masyarakat Melanau.

Sebanyak 36 kosa kata adjektif turut berada dalam tahap kefahaman rendah. Kata adjektif ini lazimnya menerangkan sifat atau keadaan, perasaan, warna, bentuk, cara, dan pancaindera yang tidak lagi menjadi rujukan lazim dalam pertuturan murid Melanau. Kebanyakan kosa kata

adjektif ini memiliki bentuk fonologi yang unik dan kurang diketahui dalam bahasa pertuturan semasa. Hal ini menyebabkan murid cenderung menggantikan sifat asli tersebut dengan kata adjektif bahasa Melayu yang lebih seragam dan mudah difahami. Antara contoh kata adjektif bahasa Melanau ialah *nyel*, *pepaleang*, *geregitan*, *kalet*, *gadar*, *petaat*, *inger*, *likeak*, dan *gagok*. Seperti dalam kategori kata nama dan kata kerja, kata adjektif ini juga telah digantikan dengan bentuk bahasa Melayu yang lebih mudah diakses dan ada yang turut disesuaikan mengikut sebutan Melanau, sekali gus memperlihatkan kesinambungan corak penggantian leksikal merentas kategori. Fenomena ini mencerminkan proses penggantian dan pengubahsuaian leksikal yang berlaku secara sistematik dalam kalangan generasi muda, seiring dengan perubahan linguistik dan budaya semasa. Berikut merupakan jadual penggantian kosa kata *nyel*, *pepaleang*, *geregitan*, *kalet*, *gadar*, *petaat*, *inger*, *likeak*, dan *gagok*.

JADUAL 9: Penggantian Kata Kerja Melanau kepada Kata Kerja Bahasa Melayu

Kosa kata Melanau	Padanan Bahasa Melayu	Sebutan yang disesuaikan
kukeah	memadam	Memadem [mə.ma.dəm]
suseang	membayar	Mebayar [mə.ba.jar]
pelisuok	berselisih	berselisih [bər.sə.li.seh]
mengasou	memburu	Mengasou [mə.ŋa.səw]
mesabau	merajuk	Merajuk [mə.ɣa.dʒuʔ]

### Penggantian Kata Adjektif Melanau kepada Kata Adjektif Bahasa Melayu

Dapatan bagi kategori kata adjektif menunjukkan bahawa tahap kefahaman murid Melanau yang rendah berpunca daripada perubahan fungsi dan konteks penggunaan dalam kehidupan moden, sekali gus menyebabkan sifat atau keadaan yang dinyatakan melalui kata adjektif Melanau asli tidak lagi menjadi rujukan dalam pertuturan harian. Kebergantungan murid kepada padanan kata adjektif bahasa Melayu, sama ada dalam bentuk asal atau yang telah disesuaikan sebutannya. Perkara ini memperlihatkan satu corak penggantian leksikal yang konsisten dengan kategori kata nama dan kata kerja. Keadaan ini menggambarkan berlakunya peralihan linguistik yang ketara dalam kalangan generasi muda, yang akhirnya

menyumbang kepada penyusutan penggunaan adjektif Melanau asli dalam komunikasi semasa.

Tahap kefahaman murid didapati rendah kerana bentuk kata ini jarang digunakan dalam pertuturan Melanau moden. Kebanyakan penutur muda lebih cenderung menggantikan kata tugas dengan padanan bahasa Melayu dalam komunikasi harian. Perkara ini sudah tentu menyebabkan pendedahan dan penguasaan mereka terhadap bentuk asli kata tugas Melanau semakin berkurangan. Bagi kategori kata tugas, hanya satu kosa kata berada pada tahap kefahaman rendah, iaitu *nulik* [nu.liʔ] yang lazimnya digantikan dengan *sebab* dalam pertuturan seharian.

JADUAL 10: Penggantian kata adjektif Melanau kepada kata adjektif bahasa Melayu

Kosa kata Melanau	Padanan Bahasa Melayu	Sebutan yang disesuaikan
nyel	tumpul	tumpul [tum.pul]
pepaleang	melintang	melintang [mə.lin.tan]
geregitan	geram	geram [gə.ɣəm]
kalet	terbantut	tebantut [tə.ban.tut]
gadar	jernih/lut sinar	jernih [dʒə.ɣə.nəh]
petaat	gagap	gagap [ga.gap]
inger	cuai/lalai	lalai [la.lay]
likeak	leper	leper [le.per]
gagok	janggal	janggal [dʒanʃ.gal]

Selain daripada murid Melanau tidak mampu memberi maksud yang tepat, dapat dilihat bahawa mereka juga keliru disebabkan persamaan bunyi antara perkataan. Dalam banyak kes, kesilapan yang dilakukan oleh murid berpunca daripada persamaan fonologi, iaitu berlaku kekeliruan antara

dua perkataan yang bunyinya hampir sama tetapi mempunyai maksud yang berbeza. Fenomena ini membuktikan wujudnya kesilapan dalam bahasa akibat kesamaan bunyi. Berikut merupakan contoh kesilapan makna berdasarkan persamaan sebutan yang diperoleh semasa kajian dijalankan.

#### *Kesilapan Makna Berdasarkan Persamaan Sebutan*

Pengaruh bahasa Melayu sebagai bahasa dominan dalam pendidikan dan komunikasi formal juga jelas menjadi faktor utama penurunan penguasaan kosa kata asli bahasa Melanau. Dalam banyak situasi, kosa kata Melanau diganti terus dengan kosa kata Melayu yang lebih mudah difahami oleh semua pihak. Selain itu, terdapat perkataan yang jarang digunakan atau langsung tidak digunakan oleh murid kerana kekurangan pengetahuan dan wujudkan unsur budaya tertentu yang tidak lagi diamalkan atau jarang diikuti oleh generasi muda.

Fenomena ini diperkuatkan lagi oleh dominasi bahasa Melayu dalam pelbagai konteks komunikasi, misalnya banyak kosa kata Melayu digantikan dengan padanan bahasa Melayu, walaupun ada yang disesuaikan sedikit dari segi fonologi disebabkan pendedahan murid terhadap bahasa Melayu yang meluas. Jika keadaan ini berterusan tanpa sebarang usaha pemeliharaan, sudah tentu ia akan mempercepatkan pergeseran bahasa dan seterusnya mengakibatkan kehilangan sebahagian besar warisan leksikal yang unik.

JADUAL 11: Kesilapan makna berdasarkan persamaan sebutan

Bil.	Perkataan Melanau	Maksud Sebenar (Melanau)	Maksud Yang Diberikan oleh Murid	Punca Kekeliruan
1.	Kuman [ku.man]	Dari	Makan	Persamaan bunyi dengan <i>keman</i> [kə.man] iaitu makan.
2.	Matud [ma.tud]	menyepak	membengkokkan	Persamaan bunyi dengan <i>metud</i> [mə.tud] iaitu membengkokkan.
3.	Biyaih [bi.ya.ih]	badan	lari	Persamaan bunyi dengan <i>biah</i> [bi.yah] iaitu lari
4.	Magou [ma.gow]	lebam	terbakar	Persamaan bunyi dengan <i>megou</i> [mə.gow] iaitu terbakar.
5.	Megeguoh [mə.gə.guwəh]	gugur	menggoncang	Persamaan bunyi dengan <i>megugoh</i> [mə.gugəh] iaitu menggoncang.

6.	Panyok [pa.nɔʔ]	penyu	berminyak	Persamaan bunyi dengan <i>panyok</i> [pə.nɔʔ] iaitu berminyak.
7.	Kalaih [ka.la.ih]	Merah jambu	berapa	Persamaan bunyi dengan <i>kalai</i> [ka.lay] iaitu berapa.
8.	Neah [ne.yah]	suhu	nanti	Persamaan bunyi dengan <i>neh</i> [neh] iaitu nanti.

## PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kefahaman murid Melanau terhadap kosa kata bahasa Melanau asli berada pada tahap yang rendah secara keseluruhan. Daripada 200 kosa kata yang diuji, hanya 15 kosa kata berada pada tahap tinggi, manakala 49 kosa kata berada pada tahap sederhana dan sebanyak 136 kosa kata berada pada tahap kefahaman rendah. Keadaan ini menunjukkan bahawa penguasaan kosa kata bahasa Melanau asli dalam kalangan generasi muda semakin berkurangan dan tidak lagi digunakan secara meluas dalam komunikasi harian. Dapatan ini selari dengan kajian Norfazila dan Rahim (2016) serta Nursyahrah dan Mohamed Azlan (2022) yang mendapati bahawa penggunaan bahasa Melayu dan dialek Melayu Sarawak semakin dominan dalam kehidupan masyarakat Melanau di Mukah. Dominasi bahasa Melayu dalam domain pendidikan, interaksi sosial dan komunikasi harian secara tidak langsung mempengaruhi penggunaan bahasa ibunda dalam kalangan generasi muda. Apabila bahasa Melayu lebih kerap digunakan dalam kehidupan seharian, penggunaan kosa kata bahasa Melanau semakin berkurangan dan sebahagian kosa kata asli tidak lagi difahami oleh generasi muda.

Walaupun bagaimanapun, dapatan turut menunjukkan bahawa beberapa kosa kata masih berada pada tahap kefahaman tinggi, khususnya berkaitan dengan kehidupan harian seperti unsur alam, anggota tubuh, dan aktiviti seharian. Hal ini menunjukkan bahawa kosa kata yang masih digunakan secara aktif dalam komunikasi harian lebih mudah difahami dan diingati oleh murid. Dapatan ini menyokong pandangan Low et al. (2024) yang menyatakan bahawa persekitaran sosial dan interaksi harian memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tahap penguasaan bahasa seseorang.

Dapatan bagi tahap kefahaman sederhana dan rendah menunjukkan bahawa terdapat sebahagian besar kosa kata Melanau yang hanya difahami secara separa atau tidak langsung tidak difahami oleh murid. Keadaan ini berkemungkinan berpunca daripada kurangnya pendedahan terhadap kosa kata tersebut dalam kehidupan harian dan perubahan gaya hidup Masyarakat yang semakin moden. Kosa kata yang berkaitan dengan amalan tradisional, pekerjaan lama, dan budaya setempat didapati semakin jarang digunakan, sekali gus menyebabkan generasi muda tidak lagi mempunyai pengalaman langsung terhadap penggunaan kosa kata tersebut.

Selain faktor penggunaan bahasa, pengaruh sistem pendidikan yang menggunakan bahasa pengantar utama juga menyumbang kepada kemerosotan penguasaan bahasa Melanau. Murid lebih terdedah kepada bahasa Melayu dalam proses pembelajaran menyebabkan mereka lebih selesa menggunakan bahasa tersebut berbanding bahasa ibunda. Keadaan ini selari dengan dapatan kajian yang menunjukkan bahawa bahasa dominan dalam pendidikan memainkan peranan penting dalam membentuk corak penggunaan bahasa dalam kalangan generasi muda.

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa penguasaan kosa kata bahasa Melanau dalam kalangan generasi muda semakin berkurangan akibat pengaruh bahasa dominan dan perubahan corak komunikasi masyarakat moden. Oleh itu, usaha pemeliharaan bahasa Melanau perlu diperkukuh melalui pendedahan yang berterusan dalam keluarga, komuniti, dan pendidikan agar bahasa tersebut dapat terus dikekalkan sebagai warisan budaya masyarakat Melanau.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini mendapati bahawa penguasaan kosa kata bahasa Melanau asli dalam kalangan murid Melanau berada pada tahap yang rendah, khususnya bagi kosa kata asli yang semakin jarang digunakan dalam komunikasi harian. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengaruh bahasa

Melayu, arus modenisasi dan persekitaran sosial telah menyebabkan berlakunya kemerosotan perbendaharaan kata bahasa Melanau dalam kalangan generasi muda. Situasi ini secara tidak langsung mencerminkan keperluan untuk memperkukuh pembelajaran dan kesedaran

terhadap bahasa etnik sebagai asas pembentukan jati diri dan identiti etnik generasi muda. Oleh itu, usaha pemeliharaan bahasa Melanau perlu diperkukuh melalui pendidikan bahasa etnik, penghasilan bahan rujukan kosa kata berasaskan budaya tempatan, penggalakan penggunaan bahasa Melanau dalam interaksi seharian dalam keluarga dan komuniti, dan penglibatan aktif penutur jati dalam memindahkan pengetahuan bahasa kepada

generasi muda. Pendekatan ini penting bukan sahaja untuk mengekalkan perbendaharaan kata asli, malah bagi memastikan kelangsungan bahasa Melanau sebagai warisan linguistik dan budaya. Selain itu, kajian lanjutan yang melibatkan skop responden dan aspek linguistik yang lebih luas wajar dijalankan bagi menyokong usaha pelestarian bahasa Melanau secara berterusan.

## PENGHARGAAN

Kajian dan penerbitan artikel ini tidak dibiayai oleh mana-mana geran penyelidikan, tajaan atau bantuan kewangan.

## RUJUKAN

- Abdul Walid Ali, Awangko' Hamdan, & Hishamuddin Siri. 2020. Peranan Topeng Sagu Melanau untuk Kaul di Sarawak, *Borneo. Borneo International Journal* 2(4): 26-36.
- Agnes Tiodora Sinaga, Debora Tasya Claudia Zega, Ika Anggi Fadilah, & Muhammad Anggie Januarsyah Daulay. 2024. Pudarnya bahasa Indonesia di kalangan remaja. *Jurnal Penelitian Ilmiah Multidisiplin* 8(6): 192-199. <http://dx.doi.org/10.30821/niz.v8i1.254> [Diakses pada 27 Januari 2026]
- Agus Sariono, Bambang Wibisono, Hairus Salikin, Akhmad Haryono & Muta'allim. 2026. Minority language maintenance: A case study of Mandaran language in Kampung Mandar Village, Banyuwangi. *Theory and Practice in Language Studies* 15(12): 4067-4076. <https://doi.org/10.17507/tpls.1512.26> [Diakses pada 13 Mac 2026]
- Aziz Polai & Zamri Mahamod. 2021. Pengaruh bahasa Melanau Dalat dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu murid tahun dua. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(2): 174-182.
- Chong Chin & Remmy Gedat. 2011. Deskripsi Vokal Bahasa Melanau di Hilir Sungai Rejang, Sarawak. *Jurnal Linguistik* 12(1): 1-13.
- Chong Shin. 2020. Asal-usul dan perubahan identiti kaum Melanau di Sarawak: Suatu hipotesis *Asian Journal of Environment, History and Heritage* 4(1): 77-89.
- Chong Shin & Pan Hui. 2019. Struktur dan unsur estetika dalam mantera Kaul Melanau di Mukah. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 7(2), 17-24. <https://doi.org/10.17576/jatma-2019-0702-02>
- Faridah Nazir. 2023. Pengaruh bahasa ibunda dalam pertuturan murid-murid asli suku kaum Temuan ketika pembelajaran bahasa Melayu: *LSP International Journal* 10(1): 73-90. <https://doi.org/10.11113/lspi.v10.19464> [Diakses pada 19 Mac 2026]
- Ishak Amin. 2013. Analisis fonologi kata serapan Bahasa Melayu baku dalam bahasa Melanau Rejang. Tesis Sarjana. Universiti Sains Malaysia.
- Jabatan Penerangan Malaysia. 2024. *Dasar Komunikasi Negara Diteruskan Demi Kelestarian Maklumat*. Putrajaya: Kementerian Komunikasi. <https://www.penerangan.gov.my/> [Diakses pada 15 Mac 2026]
- Jabatan Penerangan Malaysia. 2024. *Dasar Komunikasi Negara Diteruskan Demi Kelestarian Maklumat*. Putrajaya: Kementerian Komunikasi. <https://www.penerangan.gov.my/> [Diakses pada ]
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2024. *Laporan Penyiasatan Pendapatan, Perbelanjaan dan Kemudahan Isi Rumah 2022*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri. <https://www.dosm.gov.my/> [Diakses pada 27 Januari 2026]
- Jeniri Amir. 2015. *Masyarakat Melanau di Sarawak*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Jocylene Christopher Columbus & Jamaludin Badusah. 2017. Pengaruh persekitaran linguistik terhadap penguasaan lisan dalam kalangan murid Melanau di daerah Mukah. *Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*: 144-154.
- Kamus Melanau Mukah – Melayu Dewan*. 2011. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Low Jie Ying, Wee Xin Hui, Khoo Yu Ting & Nur Farhanis Fathiah Anuaruddin. 2024. Persepsi guru terhadap pengaruh bahasa ibunda semasa pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 14(1): 1-18.
- Manjet Kaur Mehar Singh & Quazi Farzana Yesmin. 2025. Technology and heritage language preservation. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 10(4): e003339.

- Minah Sintian. 2015. Asimilasi kata Melayu ke kata KadazanDusun: Tinjauan dalam pengajaran mikro pelajar Diploma Pendidikan Lepas Ijazah (DPLI). Dimuat turun dari: <https://www.researchgate.net/> [Diakses pada 23 November 2025]
- Mohammad Husri Morni, Norazlina Mohd Kiram & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. 021. Pantang larang kaum lelaki Melanau, Sarawak dan kesan ketidakpatuhan. *BITARA: International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(2): 45-58.
- Natasha Zuhaimi, Faiza Rostam Affendi, Zuriani Yaacob, Tengku Nazatul Shima Tengku Paris & Maimanah Samsuri. 2024. Language maintenance among minority groups in Malaysia: A bibliometric analysis. *Gading Journal for Social Sciences* 27: 175-186.
- Noor Aina Dani & Zuraini Seruji. 2024. Language vitality among the young generation of a minority ethnic group in Sabah. *International Journal of Humanities, Philosophy & Language* 7(27): 1-18.
- Noor Saadah Salleh & Siti Nur Zulaika. 2025. Language use and choice among the Semai Community in Kampung Sungai Perah, Parit, Perak. *International Journal of Research and Innovation in Applied Science* 9(24): 715-722.
- Norazmie Yusof & Saidatul Nornis Mahali. 2019. Pengaruh bahasa Melayu dalam bahasa Dusun Brunei. *Jurnal Bahasa* 19(1): 96-116.
- Norfazila Ab. Hamid & Rahim Aman. 2016. Varian Melanau Sarawak: Tinjauan di Melanau Mukah. *Jurnal Melayu* 15(1): 99-112.
- Norfazila Ab. Hamid, Shahidi A.H., & Wan Robiah Meor Osman. 2023. Variasi vokal dan diftong bahasa Melanau Sarawak. *Geografia* 19(4): 245-262. <https://doi.org/10.17576/geo-2023-1904-17> [Diakses pada 27 Januari 2026]
- Nur Syahirah Batjo & Mohamed Azlan Mis. 2022. Pemilihan bahasa suku kaum Melanau di Mukah, Sarawak. *Jurnal Wacana Sarjana* 6(4): 1-15
- Ooi Chwee Hwa & Vijayaletchumy Subramaniam. 2017. Faktor timbulnya pengaruh bahasa pertama dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Ulum Islamiyyah* 20: 35-45. <https://doi.org/10.33102/uij.vol20no0.39> [Diakses pada 27 Januari 2026]
- Rahim Aman, Norfazila Ab. Hamid, & Shahidi Abdul Hamid. 2015. Rekonstruksi vokal dan diftong bahasa Melanau purba. *GEMA Online Journal of Language Studies* 15(1). <http://dx.doi.org/10.17576/GEMA-2015-1501-11> [Diakses pada 20 November 2025]
- Romzi Ationg, Andreas Totu, Chelster S. Pudim & Raymond Majumah. 2018. Penggunaan bahasa Rungus dalam kalangan generasi baru (remaja) masyarakat Rungus di Matunggong, Sabah. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* 12(1): 98-110.
- Saidatul Nornis Mahali. 2024. Faktor peralihan bahasa dalam masyarakat Murut di Sabah. *Jurnal Melayu* 23(1): 18-34.
- Saidatul Nornis Mahali & Wong Mee Mee. 2022. Bahasa Murut di Sabah: Satu paparan dini. *Jurnal Melayu* 21(1): 22-41.
- Salmah Omar & Mohan Ratharishan. (2016). Pantang larang makanan masyarakat Melanau Sarawak. *International Conference on Social Sciences and Humanities (PASAK 2016)*, pada 20–21 April 2016, KUIS Convention Center, International Islamic University College Selangor (KUIS), Malaysia.
- Salbia Hassan & Dayang Sarian Abang Suhai. 2012. Kata sapaan dan panggilan dalam masyarakat Melanau: Satu kajian preliminari. *Prosiding Konferensi Antaruniversiti seBorneo-Kalimantan ke-3*. Di Banjarmasin, Kalimantan Selatan, Indonesia.